

# Ramadan: Melatih anak-anak beribadah

Oleh DR. KHAIRUNNEEZAM MOHD. NOOR

**R**AMADAN adalah waktu terbaik untuk umat Islam melaksanakan amal ibadah kerana telah dijanjikan oleh Allah SWT keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda. Sayugia, ibadah puasa Ramadan menjadi antara tunjang Rukun Islam dan semua umat Islam tidak kira usia perlu sedar kewajipan untuk menunaikannya termasuklah anak-anak kecil.

Walaupun kanak-kanak masih belum mukallaf iaitu diwajibkan melaksanakan syariat, ibadah berpuasa oleh mereka dianggap sebagai suatu bentuk latihan.

Riwayat oleh Bukhari dan Muslim, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: *"Kami puasakan pula anak-anak kecil kami, dan kami berangkat ke masjid dengan menjadikan mainan daripada kapas buat mereka, jika ada salah seorang daripada mereka menangis minta makanan, kami berikan mainan itu kepadanya sampai masuk waktu berbuka."*

Pernyataan ini jelas memberi isyarat bahawa ibadah puasa perlu dididik dan dilatih sejak kecil. Menjadi tanggungjawab ibu bapa memastikan anak seawal usia lima hingga tujuh tahun menghayati kelebihan berpuasa Ramadan. Latihan menahan nafsu makan dan minum di siang hari serta memperbanyakkan amalana mulia dan mengelakkan diri



**JEMAAH** termasuk kanak-kanak menunaikan solat sunat tarawih di Masjid Muhammadiyah, yang dikenali sebagai Masjid Cina di Ipoh, Perak. - BERNAMA

daripada kemungkarannya adalah sangat besar impaknya apabila anak-anak ini meningkat dewasa kelak. Mereka tidak akan berasa canggung untuk melaksanakan bukan sahaja amalan berpuasa bahkan ibadah fardu lain seperti bersolat dan zakat. Begitu juga jiwa mereka akan terdidik untuk memperbanyakkan ibadah sampingan yang melengkapkan diri menjadi manusia soleh dan solehah.

Minda dan pemikiran anak-anak perlu dididik supaya tidak mentafsir Ramadan sinonim dengan pesta bunga api dan mercun. Hindarkan mereka daripada terjebak dengan sindrom negatif sebegini yang bukan sahaja membazirkan wang

malah membahayakan nyawa.

Anak-anak juga tidak seharusnya dibiarkan terlalu leka menonton televisyen, bermain permainan komputer, atau membuat aktiviti tidak berfaedah. Sebaliknya mereka perlu dibimbing menambahkan amal ibadah yang dijanjikan ganjaran sangat besar oleh Allah SWT.

Melatih anak-anak berpuasa perulul secara berperingkat-peringkat. Turuti tahap kemampuan mereka seadanya seperti puasa setengah hari, sekadar beberapa jam, atau beberapa hari sepanjang Ramadan. Unsur ganjaran juga boleh dipraktikkan sebagai elemen penggalak mereka berpuasa. Misalnya, menyediakan masakan

kegemaran mereka untuk berbuka dan bersahur, memberikan pujian, hadiah atau sejumlah 'duit raya'.

Ibu bapa boleh menceritakan apa perlunya berpuasa mengikut konteks agama dan kesihatan agar mereka faham bahawa berpuasa adalah suatu amalan yang sangat besar faedahnya. Anak-anak perlu dilatih dengan rukun dan pantang larang ketika berpuasa supaya mereka bijak memelihara kesempurnaan puasa mereka.

Dalam bulan Ramadan ini juga, mereka boleh diajak menunaikan solat fardu dan sunat tarawih secara berjemaah sama ada di rumah atau di masjid dan juga bertadarus al-Quran bersama-sama. Anak-anak juga boleh diajur mengateratkan hubungan silaturahim sesama keluarga, jiran dan masyarakat dengan menganjurkan majlis berbuka puasa, berziarah dan bersedekah.

Jika kaedah-kaedah yang disarankan ini dapat diamalkan sepanjang Ramadan, insya-Allah mereka akan menjadi bukan sahaja umat Islam yang diredai-Nya, bahkan yang sempurna akhlak dan tatasusilanya. Didikan agama yang mantap sejak kecil pasti dapat menjamin kekentalan dan keutuhan personaliti anak-anak ini apabila menginjak dewasa.

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).